

Headline **Denda lewat bayar yuran UPM membebaskan**
Date **25. Aug 2008** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **38**
Section **Nasional** Article Size **77** cm2
Circulation **217920** Frequency **Daily**
Readership **2083000** Color **Full Color**
AdValue **1377.36**



Denda lewat bayar yuran UPM membebaskan

SAYA adalah pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), ingin meminta pengurusan universiti terutama Bahagian Hal Ehwal Pelajar memberi perhatian terhadap masalah yang timbul membabitkan pelajar.

Untuk pengetahuan, sistem baru yang diperkenalkan Bahagian Bendahari dilihat kurang mesra pelajar. Ini berlaku apabila pelajar gagal menjelaskan yuran pada masa ditetapkan Ben-

dahari, denda yang dikenakan terlalu tinggi.

Denda RM600 yang dikenakan cukup membebankan pelajar dan mereka yang terabit tentu mempunyai masalah tersendiri sehingga lewat menjelaskan yuran.

Mengenai sistem pengurusan kolej kediaman UPM, pelajar yang memasuki semester kedua pada akhir tahun perlu memperbaharui kad letak kenderaan sedangkan tempoh kad berkenaan untuk

setahun. Caj pula dikenakan untuk memperbaharui kad itu dan ini membebankan pelajar.

Selain itu, harga makanan di kafe kolej kediaman juga tidak berpatutan, harga nasi ayam di kafe kolej ialah RM3.80 berbanding RM3 di luar kampus. Mengapa harga makanan di kolej terlalu mahal.

**MAHASISWA UPM,
Tampin, Negeri Sembilan.**